



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING

UKQE 3001 - SECTION 04

ASSIGNMENT 1

INDIVIDUAL ASSIGNMENT

**REFLECTION 1: “LEVEL UP YOUR RESUME AND INTERVIEW
SKILL”**

NAMA PENSYARAH : DR. SYAHARIZATUL NOORIZWAN BT MUKTAR

NO.	NAME	MATRIC NO.
1.	NUR NAJWA ZAFIRAH BINTI ZAIRI	B19BS0014

CONTENT

NO.	CONTENT	PAGE
1.	1.0 REPORTING	2-4
2.	2.0 RESPONDING	4-7
3.	3.0 RELATING	7-9
4.	4.0 REASONING	9-11
5.	5.0 RECONSTRUCTING	11-14
6.	6.0 APPENDIX	15-16

1.0 REPORTING

Level Up Your Resume and Interview Skills adalah satu program yang dianjurkan oleh Kelab Strategi iaitu kelab bagi pelajar pengurusan dengan kolaborasi pihak The Career Expert. Level Up Your Resume and Interview Skills merupakan program pertama yang diadakan secara atas talian yang melibatkan saya sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa program ini. Program ini diadakan pada 1 Disember 2021 dengan menggunakan platform Cisco Webex sebagai medium perkongsian. Program “Level Up Your Resume” ini adalah satu program berbentuk bengkel dan perkongsian yang bertemakan keilmuan dan pendidikan di mana program ini bertujuan memberi membantu pelajar dalam membuat persediaan bagi profesion kerjaya pada masa hadapan. Ini kerana melalui program ini, pelajar akan didedahkan ilmu pengetahuan berkaitan cara dan tips dalam menyediakan resume yang baik dan akan diajar kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan menghadapi temuduga dan perkongsian daripada panel dalam menjadi graduan yang dicari dan diperlukan oleh majikan.

Pada awalnya, sebelum munculnya idea mengenai program ini, saya serta Exco Akademik berbincang dan mencari beberapa orang penceramah yang bersesuaian untuk dijadikan penceramah bagi Program Level Up Your Resume and Interview Skills, dan memandangkan pengarah program ini pernah menyertai salah satu program ilmiah berkaitan dengan resume dan interview skill, maka kami bersetuju memilih pihak The Career Expert. Setelah itu, pengarah program telah menugaskan saya untuk menghubungi mereka dan berbincang mengenai program ini. Pada awalnya saya menjemput penceramah melalui laman web The Career Expert sendiri akan tetapi tiada respons yang diterima. Oleh

itu, pengarah program memberikan nombor telefon pihak Career Expert untuk saya hubungi secara terus kerana masa agak singkat iaitu hanya 3 minggu sahaja masa yang kami ada untuk membuat persediaan bagi program ini. Kebetulan, pengarah program ini juga mempunyai kenalan yang pernah menjemput Coach Nik Faiz sebagai speaker. Bagi saya tugas ini agak berat dan mencabar kerana tanpa penceramah program ini tidak dapat dijalankan. Kemudian, memandangkan program ini tidak mempunyai sebarang dana kelab, jadi bagi memastikan program ini dapat dijalankan saya dan pengarah program perlu mencari dana dan tajaan.

Seterusnya, pengarah program merangka dan mewujudkan ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada jawatankuasa Kelas Strategi sendiri dan kami telah berbincang terlebih dahulu dan menyenaraikan tugas-tugas yang perlu diagihkan. Disebabkan ahli jawatankuasa bagi program ini agak ramai, jadi kami telah membahagi unit unit yang ada kepada dua bahagian , separuh diuruskan oleh ketua program dan separuh lagi diuruskan oleh saya. Terdapat beberapa konflik yang terjadi ketika kami mengagihkan tugas-tugas ini. Antara unit yang saya uruskan ialah unit publisiti dan pendaftaran, unit promosi, unit protokol. Ini kerana unit-unit yang diuruskan oleh saya amat berkait dengan tugas utama yang saya jalankan iaitu menghubungi penceramah bagi program ini iaitu Coach Nik Faiz. Bagi unit publisiti dan pendaftaran, tugas yang saya berikan kepada mereka ialah membuat ayat promosi yang dapat menarik minat pelajar menyertai program ini. Sebarang masalah yang dihadapi oleh unit ini saya akan cuba selesaikan dan saya juga sentiasa merujuk kepada pengarah program dan pengerusi Kelab Strategi. Sebelum ayat promosi diedarkan unit promosi akan meminta saya semak dan saya perlu rujuk kepada pengerusi

Kelab untuk disemak oleh Penasihat Kelab Strategi dan setelah mendapat kelulusan baru kami boleh promosikan program ini.

Kemudian bagi unit promosi dan protokol, memandangkan program ini diadakan di atas talian, skop kerja mereka adalah lebih kurang berbanding secara bersemuka. Oleh itu, pengarah program memberi arahan untuk kedua-dua unit ini digabungkan dan bertugas menghantar link program dan sijil e-certificate melalui emel kepada semua peserta dan membuat emel peringatan bagi memastikan tiada peserta yang terlepas tarikh program ini diadakan.

2.0 RESPONDING

Sepanjang membuat persiapan dalam mengendalikan program ini terdapat banyak pengalaman yang saya perolehi yang dapat membantu diri saya menjadi individu yang lebih manfaat ini kerana banyak manfaat serta cabaran yang telah saya hadapi. Bagi saya program secara atas talian lebih sukar untuk diuruskan walaupun mungkin sesetengah org beranggapan ianya lebih mudah tapi ianya jauh panggang daripada api. Ini kerana banyak aspek aspek lain yang perlu diambil berat dimana sebelum ini mungkin tidak menjadi permasalahan sebagai contoh dari segi komunikasi, interaksi sosial dan lain-lain.

Pada awalnya, saya boleh dikatakan kurang bersedia untuk menyertai dan melibatkan diri dalam program ini, kerana saya beranggapan hanya yang berjawatan tinggi yang perlu mengendalikan program. Akan tetapi saya masih cuba untuk positifkan diri saya dan merasakan program secara atas talian ini lebih mudah untuk dilakukan akan tetapi jangkaan saya salah. Pertama sekali, ia agak sukar untuk saya dan pasangan saya unit

akademik untuk mewujudkan keserasian dan bersepakat menjalankan program, Ini kerana, kami sendiri tidak mengenali antara satu sama lain dan perlu bekerjasama mengendalikan program ini. Seterusnya, disebabkan kesukaran itu, beliau banyak membuat keputusan secara terus kepada Pengerusi Kelab dan tidak menerangkan dengan jelas tugas yang betul dan tiada perbincangan yang dibuat terlebih dahulu dengan saya. Ia mengambil beberapa masa untuk kami dapat bekerjasama dengan baik dan setelah berbincang mengenai konflik tersebut dan masing- masing menerima pendapat masing masing, masalah dapat diselesaikan. Setelah kesepakatan dan keserasian wujud antara kami, tugas yang kami jalankan bersama semuanya lebih lancar dan kami juga dapat berbincang secara rasional dalam memilih siapa yang akan menjadi pengarah bagi program ini.

Kemudian, ketika menghubungi penceramah, antara masalah yang dihadapi ialah medium untuk menyampaikan bengkel tersebut. Pihak Career Expert ingin menggunakan platform Zoom Meeting kerana itu merupakan medium utama yang digunakan oleh mereka, akan tetapi platform tersebut mempunyai had peserta yang boleh sertai. Seterusnya, bagi room webex pula memerlukan permohonan link terlebih dahulu memandangkan penasihat kelab juga tidak mempunyai room webex sendiri. Dalam mencari penyelesaian bagi masalah ini, saya telah berbincang dengan pengarah program dan atas persetujuan Pengerusi Kelab dan Pihak Career Expert program tersebut menggunakan medium Webex dan permohonan telah dibuat. Saya juga berasa amat bersyukur kerana sepanjang saya berbincang dan menghubungi dengan pihak Career Expert iaitu Puan Ainul semua urusan berjalan lancar dan tiada masalah yang timbul. Puan Ainul juga sangat mesra dan mudah menerima pendapat yang kami berikan.

Akan tetapi ketika program berlangsung, terdapat masalah lain yang tidak diingini berlaku di mana terdapat masalah teknikal di mana link pautan tersebut tidak dapat diakses oleh semua peserta. Ini merupakan kali pertama saya berhadapan dengan situasi ini dan memandangkan saya yang memantau dan mengendalikan unit yang menguruskan proses maklumkan emel kepada peserta dan dengan segera saya memaklumkan situasi tersebut kepada unit promosi dan protokol dan tindakan pantas telah dibuat dengan menghantar emel yang baharu kepada semua peserta. Seterusnya bagi memastikan peserta yang berdaftar terima emel tersebut kami memaklumkan ralat yang dihadapi kepada semua 'group' di media sosial yang telah kami promosikan dan meminta mereka menghubungi kami jika emel tidak diterima dan terdapat beberapa orang peserta yang telah menghubungi dan proses menyelesaikan masalah ini juga dipermudahkan. Ini kerana semasa kami menghantar link pautan emel kepada peserta, kami telah sertakan sekali nombor telefon kami sebagai rujukan kepada peserta. Setelah program berakhir, kami juga telah menyediakan rakaman webinar tersebut untuk diberikan kepada para peserta. Ini bagi memastikan jika terdapat peserta yang masuk agak lambat disebabkan masalah tadi, mereka dapat menonton ia sekali lagi.

Seterusnya, sepanjang bengkel tersebut berjalan, terdapat banyak ilmu-ilmu baru dan pengetahuan yang saya dapat. Terutamanya berkaitan dengan persediaan menghadapi temuduga pada alam pekerjaan nanti. Antaranya, kita hendaklah menjadi lain daripada yang lain dalam erti lain unik berbanding graduan yang lain sama ada dalam aspek resume, curriculum vitae dan kita menyerlahkan lagi keunikan dan kemahiran yang kita ada. Kemudian kita juga perlulah membuat penyelidikan terhadap kerja dan syarikat yang kita

ingin mohon. Sebagai contoh dalam membuat resume, kita perlulah mengetahui syarikat tempat kita memohon kerja, barulah resume boleh dirangka dan dibuat mengikut peraturan dan aspek yang syarikat tersebut cari. Kita juga perlulah kembangkan kenalan kita dan semua aplikasi laman sosial kita perlulah memberikan imej yang baik. Ini kerana kebiasaanya, majikan akan membuat carian mengenai kita terlebih dahulu sebelum mengambil kerja. Saya percaya tips tips yang diberikan amat membantu graduan dalam membuat persiapan sebelum pergi temuduga dan mencari kerja

3.0 RELATING

Berdasarkan pengalaman saya sepanjang melibatkan diri dalam mana-mana program. Permasalahan dan isu-isu yang yang bincang di atas ini kerap berlaku akan tetapi memandangkan program ini dijalankan secara atas talian, ianya lebih mencabar dan memerlukan daya pemikiran yang baik dalam menyelesaikannya. Bagi saya pengalaman dalam menyertai program-program sebelum ini amat membantu saya menyelesaikan masalah- masalah tersebut. Antaranya jika terdapat perselisihan paham antara ahli jawatankuasa kita perlulah berbincang secara rasional bukanlah dengan emosi semata. Ini kerana jika perbincangan tersebut menggunakan emosi, penyelesaian dan kesepakatan tidak akan terhasil, ianya akan menyebabkan keadaan makin keruh dan tidak akan selesai. Jika cara itu juga tidak berhasil, ia perlulah melibatkan ahli atasan dalam masuk campur membaiki dan menyelesaikan masalah tersebut. Begitu juga dengan program ini, disebabkan pendekatan secara rasional yang digunakan mudah untuk sesuatu masalah itu diselesaikan.

Selain itu, dalam mengendalikan program tersebut, banyak ilmu yang telah saya pelajari. Ini kerana saya sebagai pelajar pengurusan kami tak lari dengan ilmu menguruskan sesuatu organisasi seperti subjek prinsip pengurusan dan gelagat organisasi. Bagi memastikan sesuatu program itu berjalan dengan lancar dan baik, ketua yang sifat kepimpinan dan cekap dan amatlah diperlukan. w Ini kerana, ada sesetengah ahli jawatankuasa yang lain lebih banyak pengalaman dan pengetahuan dalam mengendalikan program ataupun menjadi ketua program. Kemudian, ketua perlulah memastikan arahan yang diberikan sampai kepada ketua unit dan ketua unit menyampaikan arahan tersebut kepada org bawah. Jadi kami menggunakan cara ini dalam mengendalikan program dan dalam menyelesaikan masalah berkaitan link pautan yang tidak dapat diakses, dimana kami merujuk kepada orang atasan dan mengambil tindakan segera terhadap maklum balas yang diberikan. Ini adalah salah satu cara yang kami gunakan dalam mengendalikan program Level Up Your Resume, dimana pengarah program memainkan peranan yang besar dalam mengendalikan program. Beliau memberikan arahan kepada saya dan saya perlu sampaikan kepada setiap ketua unit dan ketua unit akan mengagihkan tugas kepada ahli dalam unit yang sama.

Seterusnya, saya juga ada mempelajari subjek komunikasi perniagaan dimana pendekatan yang digunakan dalam menghubungi dan berurusan adalah berlainan. Terdapat situasi yang sesuai menggunakan cara formal dan ada juga situasi yang lebih sesuai menggunakan cara tidak formal. Nada dan cara penyampaian juga perlulah betul terutama berkaitan situasi yang formal, komunikasi secara profesional juga amatlah diperlukan. Selain itu, dalam subjek komunikasi perniagaan, saya juga ada mempelajari cara penulisan yang tepat yang boleh digunakan untuk menghubungi pihak The Career Expert. Sebagai

contoh, ketika menghubungi Pihak Career Expert saya telah mengaplikasikan ilmu yang telah saya pelajari dalam subjek komunikasi perniagaan. Saya menghubungi menggunakan dua medium iaitu melalui emel dan juga whatsapp. Saya juga tidak menghubungi penceramah secara terus di mana menggunakan pengantara iaitu orang yang bertanggungjawab (person in charge) yang berhubung dengan kami iaitu Puan Ainul. Beliau juga merupakan pembantu kepada Coach Nik Faiz, segala maklumat berkaitan program saya akan bincangkan bersama Puan Ainul dan kemudian akan disampaikan kepada penceramah. Seterusnya, saya menggunakan bahasa yang formal dan menghubungi secara profesional dan menggunakan nada yang sesuai. Selain itu, saya juga menghubungi mereka mengikut waktu yang bersesuaian iaitu dalam waktu bekerja.

4.0 REASONING

Pada pandangan saya program ini amat mendedahkan saya kepada sesuatu yang baru, memandangkan ini program pertama yang saya sertai yang diadakan secara atas talian, pengalaman ini tidak dapat dilupakan. Bagi saya boleh dikatakan disebabkan program ini diadakan di atas talian, ia menjadikan program ini sangat mencabar dan agak rumit. Saya sedar untuk mengadakan webinar atau bengkel secara atas talian memerlukan persediaan yang lebih lama dan lebih teliti. Ini kerana banyak aspek yang perlu diambil kira. Pembelajaran secara atas talian sudah cukup merumitkan apatah lagi mengadakan program secara atas talian. Jadi bagi saya, memahami sesuatu situasi dan keadaan ketika program itu diadakan amatlah penting kerana dengan menganalisis perkara tersebut perancangan yang lebih baik dapat dijalankan.

Seterusnya, disebabkan gejala COVID-19 juga menyebabkan ahli jawatankuasa tidak dapat mengenali satu sama lain ini menyebabkan kesepakatan dan keserasian untuk bekerjasama menjalankan program agak sukar. Program yang diadakan secara juga sukar untuk mewujudkan kesepakatan dalam satu kumpulan apatah lagi secara atas talian. Konflik perselisihan faham sudah pasti tidak dapat dielakkan. Selain itu, pada era ini komunikasi juga agak terhad kerana tidak dapat bertemu secara bersemuka, komunikasi yang berkesan agak sukar untuk dibentuk. Oleh itu, mungkin terdapat beberapa maklumat yang tidak dapat disampaikan dengan pantas. Ini disebabkan masalah-masalah yang tidak dapat dikawal sebagai contoh masalah internet yang terhad, masa yang lapang tidak sama antara ahli jawatankuasa dan lain-lain. Jika ingin komunikasi secara terus hanya boleh menggunakan Google Meet dan Webex dimana itu pun tidak semua dapat sertai.

Akan tetapi program ini tetap berjaya dijalankan dan mendapat maklum balas yang sangat baik daripada peserta dan rata-rata amat menggalakkan kami menjalankan program sebegini lagi di masa hadapan. Ini kerana boleh dikata sepanjang program berjalan tiada masalah yang dihadapi dan semua berjalan dengan lancar. Masalah yang dihadapi hanyalah masalah di sebalik tabir dan yang penting bagaimana ahli jawatankuasa menangani masalah tersebut. Ia boleh dikatakan disebabkan semangat ahli jawatankuasa yang tidak putus memberikan yang terbaik dalam menjayakan program ini amat memberi impak yang besar terhadap program ini. Bagi saya juga ini merupakan pengalaman yang besar kerana saya berpeluang merasai pengalaman yang tak semua dapat alami pada musim COVID-19 ini. Dengan bekerjasama dengan orang lain yang mempunyai banyak pengalaman dan sentiasa memberi bimbingan, secara tidak langsung ia memberi saya inspirasi dan motivasi untuk menjalankan program seperti ini lagi pada masa akan datang. Segala tunjuk ajar ilmu

amatlah bermakna bagi saya tidak lupa juga kepada pihak The Career Expert yang sangat membantu dan memahami kami dalam memastikan program ini berjaya dilaksanakan, sikap timbang rasa secara tak langsung sebenarnya memainkan peranan besar dalam kejayaan program ini.

5.0 RECONSTRUCTING

Pada masa hadapan, jika diberi peluang untuk mengadakan program sebegini , terdapat beberapa perkara yang saya akan lakukan bagi membuat pembaikan. Pertama sekali, memandangkan program ini secara atas talian, ianya amat perlu untuk membuat perancangan dalam tempoh agak panjang sekurang kurangnya dua ke tiga bulan. Perancangan yang teliti dan sistematik mestilah dihasilkan seperti contoh berkaitan pengagihan kerja. Sebelum mengagihkan kerja, saya akan memastikan kerja dan tugas yang diberikan adalah bersesuaian mengikut unit. Selain itu, kita perlulah menyusun ahli jawatankuasa kita dengan sistematik dan baik. Ini kerana bagi saya terdapat beberapa unit yang lebih memerlukan ramai ahli kerana tugasnya lebih banyak dan juga terdapat unit yang bagi saya untuk program tugasnya lebih sesuai ketika program itu diadakan secara bersemuka. Bagi menghubungi penceramah pula, saya akan menjemput penceramah sekurang-kurangnya dua bulan sebelum program dan memastikan tarikh yang dipilih untuk menempah penceramah adalah tarikh yang bersesuaian. Hal ini kerana, terdapat program lain yang turut diadakan ketika program berlangsung dan ada juga yang mempunyai kelas. Sambutan yang lebih menggalakkan juga boleh diterima jika tarikh yang dipilih adalah lebih bersesuaian. Oleh itu, jika saya diberi peluang mengubah dan menambahbaik

program ini, perkara itu akan dititikberatkan oleh saya ini kerana program atas talian agak rumit dan lebih mencabar dibandingkan menjalankan program secara bersemuka.

Seterusnya, sebelum mengadakan sesuatu program saya ingin memastikan semua ahli jawatankuasa mengenali antara satu sama lain sebelum mengagihkan kerja atau membuat tugas yang diberikan. Bagi program ini, rata-rata yang menjadi ahli jawatankuasa tidak mengenali antara satu sama lain dan berkomunikasi antara satu sama lain. Oleh itu, pendekatan yang saya ambil ialah saya akan mengadakan suai kenal atau “ice breaking session” bersama antara ahli jawatankuasa sendiri. Sebagai contoh, mengadakan dan menjalankan aktiviti ataupun permainan yang berunsurkan kerjasama dan melibatkan komunikasi. Walaupun tidak boleh bersemuka sepanjang pandemik COVID-19 tetapi aktiviti sebegini tetap boleh dijalankan melalui platform atas talian sebagai contoh Google Meet, Webex, Plato dan sebagainya. Dengan mengadakan aktiviti seperti ini yang memupuk dan membentuk hubungan dalam satu kumpulan lebih mudah sesuatu tugas itu dilaksanakan dan dijalankan seiring dengan yang telah dirancang. Aktiviti sebegini juga dapat membantu komunikasi dua hala dan berkesan dapat dihasilkan. Oleh itu bagi saya dalam aktiviti suai kenal ini sangatlah wajar diadakan dalam memupuk sebuah organisasi yang mempunyai kesepakatan dan kerjasama di mana elemen inilah yang mesti dititikberatkan.. Tanpa kerjasama dan kesepakatan dan hubungan yang baik agak sukar untuk sesuatu itu program dalam dijalankan dengan baik.

Selain itu, jika saya diberi peluang untuk mengendalikan dan mengadakan program, mesyuarat lebih kerap akan saya adakan bagi memastikan semua ahli jawatankuasa jelas mengenai tugas yang diberikan dalam masa yang sama mesyuarat ini juga boleh diadakan dengan tujuan memantau gerak kerja dari semasa ke semasa. Perbincangan dan

mesyuarat ini boleh diadakan secara berkala, jadi sebarang permasalahan dan persoalan boleh diajukan ketika mesyuarat berlangsung dan penyelesaian daripada masalah tersebut dapat selesai pada waktu itu juga. Selain itu, dengan cara ini ahli jawatankuasa yang lain boleh memberi pendapat mereka mengenai permasalahan tersebut bukan sahaja daripada pihak atasan, dan dengan cara ini semua ahli jawatankuasa akan tahu setiap kemajuan dan gerak kerja sesama dan boleh memastikan semua tugas yang diberikan adalah diatas laluan yang betul. Pendekatan ini bagi saya lebih dekat ini dengan semua yang terlibat dan komunikasi terbuka secara dua hala juga dapat dihasilkan. Secara tak langsung ini memberi keyakinan dan semangat kepada semua ahli jawatankuasa untuk menjalankan tugas yang diberikan, segala bimbingan, tunjuk ajar dan arahan juga dapat disampaikan dengan lebih jelas dan efektif. Oleh yang demikian, mesyuarat berkala ini adalah tindakan yang saya akan ambil bagi program akan datang kelak.

Akhir sekali, saya juga akan menjalan sesi “post-mortem” bersama yang terlibat dalam program ini. Ini bertujuan untuk saya dapatkan maklum balas mengenai program ini, dengan cara ini penambahbaikan dapat dibuat bagi program akan datang. Selain itu, dengan adanya sesi ini kita juga dapat mengulas kembali isu-isu berbangkit sepanjang program dijalankan dan penyelesaian yang kita dapat capai bersama. Bagi program ini, seperti yang telah saya kupasan mengenai masalah teknikal yang terjadi tanpa disangka, maklum balas ataupun tindakan yang dapat saya fikirkan ialah sepatutnya “group whatsapp” perlulah diwujudkan yang terdiri daripada semua peserta, dengan cara ini jika kejadian tersebut berulang kembali, link pautan yang baharu boleh dihantar dan dikongsikan di dalam “group whatsapp” itu sahaja dan tidak perlu emelkan secara manual kepada semua peserta. Kemudian, untuk “e-certificate” pula cadangan yang saya ingin


usulkan adalah dengan menggunakan sistem autocrat. Dimana dengan cara ini apabila peserta mengisi link “Google Form” mereka akan automatik mendapat certificate tersebut tanpa perlu disediakan secara manual.

Kesimpulannya, program ini amat memberi impak kepada diri saya kerana banyak ilmu baru yang telah saya pelajari terutamanya dalam mengendalikan program dengan lebih baik dan efektif. Selain itu, segala cabaran yang saya tempuh juga sedikit sebanyak membantu saya untuk sentiasa bersedia dan berfikiran kreatif dan kritis dalam menangani dan menghadapi sebarang masalah dan rintangan yang datang . Pengalaman ini tidak akan dapat saya lupakan dan saya bersyukur walaupun disebalik tabir terdapat beberapa kejadian dan isu yang jadi, program tersebut tetap berjalan dengan jayanya dan mendapat maklum balas yang sangat baik daripada peserta.


6.0 APPENDIX



Rajah 1: Poster Program Level Up Your Resume



Rajah 2: Gambar ketika program berlangsung



Rajah 3: Sesi bergambar bersama peserta Level Up Your Resume and Interview Skills